

UPM lancar makmal sosial pertama di Malaysia

KUALA LUMPUR 10 Mei - Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi 2015-2025, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengorak langkah melancarkan makmal sosial iaitu makmal kolaboratif untuk pembangunan pelajar yang pertama di negara ini.

Makmal sosial berkenaan direka khusus untuk pembangunan pelajar secara holistik berasaskan perkembangan keusahawanan dan kecemerlangan seimbang dari segi akademik dan akhlak.


Timbalan Pengerusi Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin berkata, makmal itu berperanan menjalankan penyelidikan bagi melihat kebolehan pelajar dalam memilih kerjaya dan masa depan

mereka selepas menamatkan pembelajaran nanti.

Beliau berkata, pada masa hadapan, makmal tersebut diharapkan mampu mencadangkan dasar kepada pihak universiti khususnya UPM dan kerajaan untuk membantu para pelajar dalam perkara itu.

“Kita cuba menggabungkan tiga elemen melibatkan pelajar UPM, majikan iaitu tempat yang menawarkan pekerjaan dan juga ibu bapa menerusi kajian yang akan dijalankan.

“Melalui makmal ini, kita akan pantau bagaimana kegiatan pelajar boleh dijadikan sebagai ukuran ketika mereka mahu mencari pekerjaan nanti,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Prapelancaran Makmal Sosial di



**SHAMSUL AMRI
BAHARUDDIN**

UPM, di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Sementara itu, Shamsul Amri menyifatkan penubuhan makmal itu juga amat penting dalam mengukuhkan perpaduan antara kaum di negara ini pada masa akan datang.

Beliau berkata, hal demikian kerana makmal itu boleh memberi kerangka kepada kerajaan dalam membentuk hubungan etnik yang lebih baik di negara ini.

“Jadi, kita boleh tahu di peringkat akar umbi lagi apa yang masyarakat tidak puas hati secara jelas yang berkait dengan masalah sesuatu masyarakat.

“Malah, saya juga berharap makmal ini dapat melahirkan siswazah dalam pelbagai kaum yang boleh melaksanakan dan aplikasi bidang ini secara mendalam,” katanya.